

Pelajar positif pil kuda di Kelantan membimbangkan

Kota Bharu: Lambakan dadah dengan harga yang murah di negeri ini menyebabkan ramai remaja termasuk pelajar terjebak dengan ketagihan terutama pil kuda.

Malah, hasil pemeriksaan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) di 110 sekolah menengah di negeri ini sejak awal tahun ini, mendapati 246 pelajar yang menjalani ujian saringan didapati positif dadah.

Semua mereka yang dikesan positif dadah akan menyertai program sihat tanpa dadah selama tiga hari dua malam bagi membina semula jati diri dan kesedaran.

Pengarah AADK Kelantan, Rohayu Ahmad, berkata pihaknya tidak akan memasukkan mereka dalam pusat pemulihan, sebaliknya mendapatkan persetujuan ibu bapa dan sekolah untuk menyertai program itu.

"Kita bimbang dengan masa depan mereka sekiranya terus dihantar ke pusat pemulihan," katanya kepada BH.

Rohayu mengakui penggunaan pil kuda di Kelantan adalah yang tertinggi di negara ini dan harga pil kuda yang murah, iaitu serendah RM8 juga dikenal pasti punca orang kena pengawasan (OKP) selama dua tahun selepas bebas daripada dadah, kembali semula mendapatkan bahan terlarang itu.

Mudah peroleih pil kuda

Beliau mengakui lambakan pil kuda berpunca daripada kewujudan 128 pangkalan haram di sepanjang Sungai Golok.

Malah, katanya, aplikasi seperti WhatsApp juga memudahkan sindiket pengedaran dadah mendapat maklumat mengenai gerak-geri pasukan keselamatan yang mengawal kawasan sempadan, termasuk pangkalan haram.

"Jarak antara 50 hingga 120 meter dari pangkalan haram Rantau Panjang ke Thailand membolehkan sesiapa saja mendapatkan bekalan dadah dari negara jiran.

"Walaupun kegiatan pengedaran dan penagihan dadah di negeri ini masih terkawal, kegiatan ini mampu meningkat secara drastik dalam tempoh lima tahun akan datang jika tiada langkah segera diambil," katanya.

Beliau berkata, ketika ini kira-kira 150 anggota AADK terbabit dalam operasi mengesan penagih dadah di negeri ini, manakala 100 lagi ditugaskan untuk mengawas OKP.

"Agensi penguat kuasa di sempadan perlu bertindak lebih agresif bagi mengesan sindiket pengedaran dadah supaya dapat mengurangkan bekalan sekali gus menyukarkan pelajar mendapatkan bahan terlarang itu," katanya.

TANGKAPAN KES DADAH MENGIKUT UMUR DAN JANTINA BAGI JAN-MEI 2016 BERBANDING JAN-MEI 2017 DI KELANTAN

Peringkat Umur	JAN-MEI 2016	JAN-MEI 2017	PERBEZAAN	PERATUS
1. 13 tahun ke bawah	1	0	-1	-100
2. 14 tahun - 18 tahun	381	455	74	+19.4
3. 19 tahun - 24 tahun	1,560	1,717	157	+10
4. 25 tahun - 29 tahun	1,774	1,787	13	+0.73
5. 30 tahun - 34 tahun	1,099	1,136	37	+3.3
6. 35 tahun - 40 tahun	1,228	1,372	144	+11.7
7. 41 tahun ke atas	1,144	1,052	-92	-8
Jumlah	7,187	7,519	332	+4.61
1. Lelaki	7,043	7,373	330	+4.68
2. Perempuan	144	146	2	+1.3

GRAFIK BH



diambil"

Rohayu Ahmad,
Pengarah AADK Kelantan



BH
1/7/17
MLS-6

Walaupun kegiatan pengedaran dan penagihan dadah di negeri ini masih terkawal, kegiatan ini mampu meningkat secara drastik dalam tempoh lima tahun akan datang jika tiada langkah segera

